

# UMP sumbang 30 unit sasaran menembak

**K**UANTAN: Fakulti Kejuruteraan dan Mekanikal (FKM) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbangkan 30 unit sasaran menembak bagi senapang M16 dan pistol kepada Rejimen 505 Askar Wataniah Kem Taman Gelora di sini, semalam.

Sumbangan kali pertama itu bertujuan mengeratkan kerjasama di antara UMP dan rejimen itu.

Dekan FKM, Profesor Madya Dr Rosli Bakar, berkata pihaknya menyumbangkan 20 unit sasaran menembak berbentuk empat segi bagi senapang M16 dan 10 unit sasaran menembak bagi pistol yang berbentuk bulat.

Menurutnya, sasaran menembak itu bakal digunakan pada sesi latihan dan pertandingan yang dijalankan

setiap tahun.

"Kita berharap kerjasama UMP dengan Rejimen 505 Askar Wataniah berterusan dan lebih erat bagi melahirkan penembak cekap dan tepat.

"UMP akan berusaha menambah sumbangan itu jika ada permintaan," katanya pada majlis penyerahan sasaran menembak kepada Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Leftenan Kolonel Tengku Datuk Kamarulzaman Sultan Abu Bakar di Kem Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah Taman Gelora di sini, semalam.

Rosli berkata, sehingga kini, 84 pelajar UMP menganggotai pasukan rejimen itu dan jumlah berkenaan dijangka bertambah tahun ini.



**SERAH...**Dr Rosli (kanan) menunjukkan sasaran menembak senjata M16 dan pistol yang diserahkan kepada Rejimen 505 Askar Wataniah Kem Taman Gelora, semalam.

metro/sempat/19w/26/2/17